

Tahap Patriotisme Golongan Muda di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur

Level of Patriotism among Malaysian Youth: A Literature Review

Siti Hafizah Yusop^{1*}, Norbahiah Misran^{1,2}, Noorfazila Kamal^{1,2}, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin³, Norsaleha Mohd Salleh⁴, Wan Nor Adibah Wan Ahmad⁵, Sarifah Nurhanum Syed Sahuri⁶

¹ Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik & Sistem, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia;

² Pusat Penyelidikan Pendidikan Kejuruteraan (P3K), Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia;

³ Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia;

⁴ Institut Kajian Hadis & Aqidah (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia;

⁵ Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi, IPG Kampus Pendidikan Islam, 43657 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia;

⁶ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

Article progress

Received: 27 February 2024

Accepted: 27 May 2024

Published: 31 May 2024

*Corresponding author:
Siti Hafizah Yusop, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik & Sistem, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia;
Email: hafizah.siti@gmail.com

Abstrak: Kesedaran semangat perpaduan dan cintakan negara dalam masyarakat majmuk di Malaysia telah bermula sejak sebelum merdeka lagi. Perasaan cintakan negara boleh ditakrifkan sebagai patriotisme yang kini menjadi topik kajian yang penting kerana merupakan komponen dalam menilai tahap jati diri seseorang rakyat. Kepentingan jati diri yang tinggi adalah untuk memastikan negara mampu ditadbir oleh generasi pelapis yang berintegriti tinggi, sayangkan negara dan tidak mudah terpengaruh dengan budaya luar sehingga melupakan asal usul sendiri yang boleh menghilangkan keunikan dan keunggulan sesebuah negara. Kajian ini bertujuan mengumpulkan kajian-kajian terdahulu yang membincangkan tahap patriotisme di kalangan rakyat Malaysia khususnya golongan muda. Kajian dibuat menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik yang mengumpulkan artikel untuk menjawab tiga persoalan kajian iaitu elemen patriotisme yang dikaji, kaedah kajian, dan dapatan kajian yang menerangkan tahap patriotisme. Dapatan kajian menunjukkan tahap patriotisme golongan muda adalah tinggi dengan 10 kajian membuktikan tahap patriotisme tinggi dan 2 kajian tahap patriotsime sederhana dan kabur. Kajian merumuskan suatu tindakan berterusan tetapi perlu diambil oleh semua peringkat daripada skala yang besar iaitu negara sehingga skala terkecil iaitu unit-unit keluarga bagi memastikan semangat patriotsime dalam kalangan golongan muda tetap sentiasa bersemarak dengan nilai yang sebenar.

Kata kunci: Jati diri, Patriotisme, Golongan muda Malaysia, Cinta negara, Falsafah Pendidikan;

Abstract: The awareness of the spirit of unity and love of country in the pluralistic society in Malaysia has started since before independence. The feeling of love for the country can be defined as patriotism which is now an important research topic because it is a component in assessing the level of identity of a citizen. The importance of a high sense of identity is to ensure that the country is able to be governed by a generation of layers with high integrity, who love the country and are not easily influenced by outside

cultures to the point of forgetting their own origins which can remove the uniqueness and superiority of a country. This study aims to review previous studies that examine the level of patriotism among Malaysians, especially the youth. The study was conducted using a systematic literature review method that collected articles to answer three research questions, namely the elements of patriotism that were studied, research methods, and studies that explained the level of patriotism. The findings of the study show that the level of patriotism among Malaysian youth is high with 10 studies proving a high level of patriotism and 2 studies showing a moderate and vague level of patriotism. The study concluded that a continuous action still needs to be taken by all levels from the large scale that is the country to the smallest scale that is the family units to ensure that the spirit of patriotism among Malaysian youth is always vibrant with real values.

Keywords: Identity, Patriotism, Malaysian youth, Love of country, Education philosophy;


Pengenalan

Jati diri menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya. Manakala, patriotisme pula bermaksud perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Menurut Mohd Yusof et al. (2012), patriotisme merupakan salah satu komponen dalam menilai tahap jati diri seseorang. Ini boleh difahami sebagai semakin tinggi tahap patriotisme seseorang, semakin tinggi juga tahap jati dirinya.

Kajian tahap jati diri bukan sekadar giat dilakukan di Malaysia namun turut menjadi perbincangan di seluruh dunia termasuk Amerika, Eropah, Rusia, China dan lain-lain (Mohd Yusof et al., 2012). Ini menunjukkan kepentingan bagi memastikan tahap jati diri rakyat sesebuah negara berada dalam lingkungan yang selamat demi meneruskan legasi keunggulan negara masing-masing.

Namun, isu global yang dialami hampir semua negara kini semakin membimbangkan iaitu tahap jati diri generasi muda semakin pudar kerana pelbagai faktor antaranya sifat ingin mencuba dan mudah terikut-ikut (Mohd Yusof et al., 2012). Menurut Dato' A. Aziz Deraman yang merupakan seorang panel dalam satu wacana peradaban, generasi muda kini semacam mahu meniru Barat dalam semua hal termasuklah idea LGBT (lesbian, gay, biseksual, transjantina), pluralisme, liberalisme, hedonisme dan sebagainya (Dewan Masyarakat Jendela DBP, 2021). Hal ini menurutnya akan menyebabkan akal budi bangsa terperosok ke jurang bahaya dan menimbulus nilai murni bangsa yang telah sedia dilandasi budaya dan agama.

Rajah 1. Indeks Belia Malaysia 2020 (Kementerian Belia dan Sukan, 2021)



Setakat tahun 2020, kajian Indeks Belia Malaysia menunjukkan tahap patriotisme dalam kalangan belia berada di tahap yang sederhana. Walaupun tidak rendah namun bacaan tersebut hampir memasuki indikator kurang memuaskan. Indeks ini ditunjukkan dalam Rajah 1.


Merujuk Rajah 1, indikator patriotisme belia Malaysia pada tahun 2015 mencatat bacaan indeks sebanyak 60.16, tahun 2016 dengan bacaan yang meningkat iaitu 61.58, kemudian tahun 2017 bacaan menurun sehingga 59.48 dan naik semula pada tahun 2019 iaitu 60.24 dan terus meningkat pada tahun 2020 sehingga 61.68.

Bacaan indeks ini telah direkod dari tahun 2015 hingga yang terkini 2020 (rekod 2021 masih belum dikeluarkan semasa kajian ini dibuat). Semua bacaan indeks ini walaupun didapati berada dalam lingkungan prestasi yang sederhana namun belum cukup memuaskan. Oleh itu, langkah meningkatkan nilai indeks ini wajar dipergiat.

Walau bagaimanapun, isu di Malaysia juga lebih mencabar kerana kewujudan pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa memerlukan gerak kerja yang

menyeluruh bagi memastikan tahap patriotisme berada di tahap yang tinggi. Rajah 2 menunjukkan komposisi kaum di Malaysia.

Rajah 2. Komposisi penduduk warganegara mengikut kumpulan etnik tahun 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023)



Merujuk Rajah 2, penduduk di Malaysia terbahagi kepada tiga kaum utama iaitu Bumiputera, Cina dan India. Jika di Sabah dan Sarawak, lebih banyak kaum yang wujud seperti Bajau, Murut, Kadazan, Iban, Bidayuh dan lain-lain. Oleh kerana kepelbagaian kaum ini, banyak langkah telah diambil oleh pelbagai pihak terutamanya kerajaan bagi memastikan tahap jati diri rakyat kekal tinggi antaranya dengan mewujudkan Jati Diri Kebangsaan (Mohd Yusof et al., 2012) dan Negara Bangsa (Mohamad Rodzi, 2009). Ini bermaksud setiap rakyat Malaysia tidak kira latar belakang perlu mempunyai rasa cinta dan sanggup berkorban untuk negara serta berintegriti dalam mengurus kehidupan.

Kerajaan juga berusaha menggubal dasar-dasar bagi tujuan yang sama antaranya dasar bahasa kebangsaan, dasar kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera, dasar melindungi kepentingan kaum dan agama lain, dasar hal ehwal agama dan amalan dan banyak lagi (Mohd Yusof et al., 2012). Ini semua supaya masyarakat Malaysia saling menghormati di dalam kepelbagaian kaum yang ada.

Malah, Tun Abdul Razak semenjak sebelum merdeka lagi telah menyedari isu kepelbagaian kaum lalu merangka dasar awal melalui pendidikan demi menyatupadukan rakyat Tanah Melayu yang dinamakan Penyata Razak 1956 dan laporan Rahman Talib 1960. Pendirian ini jelas dalam Penyata Razak 1956 yang menyebutkan, “tujuan dasar di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur” (Ahmad Ali, 2009).

Pada tahun 1974 pula, Tun Abdul Razak dengan tekad yang sama untuk menyatupadukan rakyat telah membentuk Rukun Negara 1974 yang menjadi batu asas kepada kesatuan rakyat Malaysia pada hari ini (Kassim, 2020).

Usaha ini diteruskan pada tahun 1988 di mana Falsafah Pendidikan Kebangsaan (yang kemudiannya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara) diperkenalkan dan digunakan oleh semua sekolah untuk memacu arah pendidikan negara ke arah yang sama dengan tujuan menyediakan pelajar yang mampu dan bersedia untuk menyumbang kepada negara yang secara tidak langsung menyemarakkan semangat patriotisme dan cinta kepada negara (Kementerian Pendidikan, 1988).

Walaupun usaha menyatupadukan rakyat demi meningkatkan tahap patriotisme giat dilakukan, namun keunikan bangsa masing-masing terus dikekalkan dan dasar asimilasi tidak diamalkan di Malaysia. Ini bermaksud setiap rakyat bebas mengamalkan budaya masing-masing dalam masa yang sama menghormati budaya lain (Mohd Yusof Mohd Yusof et al., 2012 dan Ahmad Ali, 2009). Ini penting bagi meraikan kepelbagaian kaum yang mencorak warna warni kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia dan tetap mempunyai rasa cinta yang tinggi terhadap negara.

Usaha-usaha ini perlu dinilai namun cara untuk menzahirkan rasa cinta kepada negara adalah subjektif. Walau bagaimanapun, secara luarannya, tahap patriotisme boleh diukur secara kuantitatif atau kualitatif melalui beberapa perkara antaranya berdiri apabila lagu kebangsaan dimainkan, menghormati Jalur Gemilang, mendaftar untuk mengundi dalam pilihan raya, menyertai aktiviti khidmat masyarakat, mematuhi undang-undang, membayar cukai, memahami Perlembagaan Persekutuan malah menghormati hak orang lain. Semua ini boleh menjadi bukti seseorang itu cinta akan negaranya (Irmohizam, 2020).

Oleh itu, kajian-kajian giat dilakukan bagi menilai tahap patriotisme rakyat Malaysia supaya langkah berjaga-jaga boleh diambil oleh negara dalam melahirkan generasi pelapis yang tinggi nilai jati dirinya.

Objektif

Kajian ini bertujuan mengumpulkan kajian terdahulu bagi mendapatkan gambaran tahap patriotisme dalam kalangan golongan muda di Malaysia. Kepentingan kajian ini adalah untuk memastikan tahap patriotisme golongan muda berada di tahap yang tinggi kerana golongan ini akan meneraju tampuk kepimpinan negara. Oleh itu, dapatkan kajian diharapkan berguna untuk tindakan pihak berkuasa atau mana-mana pihak bagi

memastikan tahap patriotisme rakyat Malaysia khususnya golongan muda berada di tahap yang baik dan selamat.

Walaupun terdapat kajian yang dijalankan berkaitan patriotisme, namun kajian ini mengkhususkan tahap patriotisme dalam kalangan golongan muda di Malaysia kerana keperluan mereka sebagai peneraju tumpuk kepimpinan negara pada masa akan datang. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji artikel berkaitan tahap patriotisme di Malaysia berdasarkan persoalan kajian berikut:

1. Apakah elemen kajian berkaitan tahap patriotisme?
2. Apakah kaedah kajian dan golongan responden yang digunakan untuk mengkaji tahap patriotisme?
3. Apakah dapatan kajian berkaitan tahap patriotisme golongan muda di Malaysia?

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah meta-analisis yang mensintesis kajian-kajian terdahulu untuk mendapatkan satu kesimpulan menggunakan dapatan kajian-kajian tersebut (Muhamad Nazri et al., 2018 dan Mohd Nashahrudin & Mohd Sobhi, 2022). Langkah kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Mencari kertas kajian yang melalui pangkalan data seperti Scopus, Science Direct, dan ResearchGate dengan kata kunci ‘jati diri’ dan ‘patriotisme’.
2. Membaca kertas kajian dan mengeluarkan maklumat tajuk, jumlah responden dan taburan responden.
3. Menganalisis dan merumuskan hasil dapatan kajian yang difokuskan kepada tahap patriotisme golongan muda.

Skop kajian memfokuskan tahap patriotisme namun kajian berkaitan patriotisme adalah lebih luas iaitu penerapan nilai patriotisme, langkah penyuburan, langkah penambahbaikan dan banyak lagi (Mohd Nashahrudin & Mohd Sobhi, 2022). Tinjauan kajian yang dibuat adalah untuk mendapatkan gambaran awal tahap patriotsime sebelum kajian seterusnya boleh dilakukan.

Antara kajian susulan yang boleh dibuat ialah mengkaji instrumen yang dibangunkan pengkaji terdahulu, menganalisis langkah penghayatan patriotisme yang dicadangkan dan merangka langkah penyelesaian isu patriotisme dalam kalangan golongan muda di Malaysia dari seawal memupuk sehingga menghayati maksud sebenar patriotsime.

Keputusan dan Perbincangan

Tinjauan kajian ini telah mengumpulkan 12 kajian terkait jati diri dan patriotisme di mana Jadual 1 merumuskan maklumat dan hasil dapatan kajian. Kajian yang dikumpulkan selari dengan objektif iaitu mengkaji tahap patriotisme dalam kalangan golongan muda Malaysia dan tinjauan mendapati tahun yang aktif dengan kajian empirikal adalah dari tahun 2005 hingga 2021.

Analisis tinjauan

Kajian Ramlah (2005) ke atas 1131 orang pelajar IPT dan IPTS di Lembah Klang menunjukkan tahap pemahaman responden berkaitan prinsip Rukun Negara adalah tinggi namun kemampuan menghayati dan keinginan mengamalkannya adalah rendah. Memahami, menghayati, dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara adalah satu perkara yang sangat penting dalam memastikan tahap perpaduan dan patriotisme berada pada tahap yang baik (Abdul Rahman, 2010). Namun dalam kajian ini, kemampuan menghayati dan mengamalkan adalah rendah mungkin disebabkan responden belum merasa penting akan perkara ini kerana faktor umur atau belum merasa bertanggungjawab untuk memimpin generasi akan datang. Ini sesuai dengan kajian Mohd Hairul et al. (2013) yang menyatakan tahap patriotisme rakyat Amerika hanya meningkat selepas berlakunya peristiwa serangan ke atas World Trade Centre pada 11 September 2001. Namun begitu, kita perlu memastikan tahap patriotisme sentiasa baik dan memuaskan tanpa perlu menunggu ‘peristiwa besar’ terjadi untuk mengambil langkah berjaga-jaga.

Kajian Ku Hasnita & Mohd Haizam (2009) dijalankan untuk melihat sejauhmana semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda bukan Melayu. Seramai 743 responden dari kalangan mahasiswa dua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan dua institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dipilih untuk kajian ini.

Jadual 1. Tinjauan literatur sistematik tentang tahap patriotisme golongan muda Malaysia

No	Pengkaji (Tahun)	Tajuk Kajian	Persoalan Kajian 1:	Persoalan Kajian 2:	Persoalan Kajian 3:
			Elemen Kajian	Kaedah Kajian (Responden)	Dapatan kajian
1	Ramlah (200)	Kajian Tahap Pemahaman	Pemahaman, penghayat	Kuantitatif (1131)	Tahap pemahaman Rukun

	5)	an, Penghayatan Dan Pengamalan Rukun Negara Di Kalangan Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi	an, dan pengamalan Rukun Negara dan berkorban untuk negara	mahasiswa IPTA dan IPTS)	Negara tinggi namun penghayatan dan pengamalananya rendah dan kriteria berkorban untuk negara juga rendah	5	Gill et al. (2015)	Kesedaran Patriotik Dalam Kalangan Belia Bandar di Semenanjung Malaysia	Kesetiaan, kebanggaan, kekitaan, berdisiplin, serta berusaha dan produktif yang mendokong rasa cintakan negara	Kuantitatif (500 belia Semenanjung Malaysiana)	Tahap kesedaran belia terhadap nilai patriotisme adalah tinggi
2	Ku Has nita & Moh d Haiz am (2009)	Semangat Patriotisme dalam Kalangan Mahasiswa Bukan Melayu di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Lembah Klang	Penglibatan dalam institusi pertahanan negara	Kuantitatif (743 mahasiswa bukan Melayu IPTA dan IPTS)	Tahap patriotisme sederhana, namun jika dibandingkan dengan Amerika, Itali, dan Kanada adalah memuaskan	6	Moh d Rum aizu ddin & Moh d Rus hdan (2015)	Kajian Semangat Patriotisme Dan 1Malaysia Dalam Kalangan Mahasiswa Di Timur Tengah	Perpaduan, kepemimpinan, dan keadilan sosial	Kualitatif (temubual bersama mahasiswa Malaysia di Timur Tengah iaitu Mekah, Madinah, Kaherah, dan Jordan)	Tahap kefahaman semangat patriotisme dan 1Malaysia pelajar Malaysia di Timur Tengah agak kabur
3	Moh d Yus of et al. (2012)	Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Penggunaan bahasa sehari-hari	Kuantitatif (800 mahasiswa IPTA)	Jati diri majoriti responden tinggi namun jika diukur mengikut etnik rendah dan agak membimbangkan	7	Ham idi et al. (2017)	Nilai Patriotisme Belia Malaysia	Faham sistem pentadbiran negara, bangga menjadi rakyat Malaysia, sayang Malaysia, rasa kekitaan terhadap negara, setia kepada negara, berdisiplin dan beradab serta peningkatan produktiviti demi negara	Kuantitatif (1500 belia Malaysiana)	Tahap patriotisme belia Malaysia berada pada tahap yang tinggi
4	Moh d Hair ul et al. (2013)	Penghayatan dan Kesedaran Patriotisme Dalam Kalangan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara	Pengetahuan, persepsi, dan pemahaman terhadap penghayatan & kesedaran patriotisme seperti berfikiran positif terhadap negara dan ingin berjasa	Kuantitatif (1010 pelatih PLKN)	Tahap kesedaran semangat patriotisme responden tinggi dan cenderung menyumbangkan jasa untuk negara	8	Ku	Tahap Patriotism	Sedia berkhidma	Kuantitatif	Tahap semangat

	Hasnita et al. (2018)	e Mahasiswa di Universiti Awam Malaysia	t untuk negara, bangga dilahirkan sebagai warga Malaysia, setia kepada negara, berazam tinggi dan bertanggungjawab	(2056 mahasiswa IPTA)	patriotisme responden tinggi namun tidak mencapai tahap maksimum		Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban	ang untuk negara, dan bertanggungjawab		sederhana antara perpaduan dan patriotisme
9	Siti Nazylah et al. (2020)	Kesedaran Nilai Patriotisme Pelajar Politeknik Balik Pulau Melalui Kursus Pengajian Malaysia	Penglibatan dalam program patriotisme dan bersedia mempertahankan negara	Kuantitatif (60 pelajar Politeknik Balik Pulau)	Tahap pengetahuan pelajar terhadap nilai patriotisme melalui Kursus Pengajian Malaysia adalah tinggi					Dapatkan kajian menunjukkan tahap patriotisme dalam kalangan mahasiswa bukan Melayu berada di tahap yang sederhana iaitu sebanyak 81% manakala 18% sahaja yang menunjukkan tahap patriotisme yang tinggi. Penulis berpendapat bahawa tahap patriotisme berada pada landasan yang betul namun tidak sampai tahap menyerlah dan membanggakan dan mencadangkan semua pihak khususnya kerajaan mempergiat gerak kerja agar semangat patriotisme dapat ditingkatkan.
10	Mohd Rahimi et al. (2020)	Pengetahuan dan Pengamalan Nilai Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Peribumi di Sabah	Kesetiaan, pengorbanan, kebanggaan, kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif	Kuantitatif (500 peribumi Sabah)	Tahap pengetahuan dan pengamalan nilai patriotisme tinggi dan pengetahuan dalam berusaha dan produktif paling tinggi					Kajian Mohd Yusof et al. (2012) pula bertujuan meneliti tahap jati diri pelajar IPTA di sekitar Lembah Klang yang terdiri daripada UKM, UPM, UTM dan UM. Responden yang dipilih adalah seramai 800 orang daripada pelbagai tahun, aliran pengajian dan etnik. Terdapat lapan komponen yang digunakan untuk mengukur tahap jati diri responden iaitu bahasa, adat, budaya, agama, patriotisme, integriti, idealisme dan sumbangan institusi. Hasil kajian mendapati skor keseluruhan pelajar dengan tahap jati diri yang tinggi adalah sebanyak 54.6% dan selebihnya berada di tahap yang rendah. Dapatkan kajian menunjukkan tahap jati diri pelajar IPTA adalah tinggi, namun peratus yang agak kecil membimbangkan dan penulis mencadangkan tindakan serius perlu diambil supaya hal ini tidak mengancam integriti nasional negara. Antara tindakan yang dicadangkan ialah merombak kurikulum pendidikan, menyediakan pendidikan tidak formal oleh badan kerajaan/swasta/NGO dan memantau filem dan bahan bacaan yang masuk ke Malaysia.
11	Nur Aishah et al. (2021)	Semangat Patriotisme Melalui Penggunaan Media Baharu dalam Kalangan Belia di Malaysia	Mengambil tahu maklumat kenegaraan melalui pembelajaran, peka persekitaran semasa, dan bertingkah laku baik	Kuantitatif (345 mahasiswa IPTA)	Semangat patriotisme belia tinggi dan dipengaruhi oleh penyuluhan maklumat kenegaraan di media baharu					Dalam kajian Mohd Hairul et al. (2013), seramai 1010 responden dipilih dari kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di serata Malaysia dan didapati seramai 22.8% responden datang dari negeri Johor, 21% responden dari negeri Kedah dan selebihnya dari negeri-negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak. Kajian menunjukkan kesedaran patriotisme dalam kalangan golongan remaja pelatih PLKN adalah tinggi iaitu sehingga lebih 80% dan mereka berfikiran positif terhadap negara dan bersedia menjaga keselamatan negara pada bila-bila masa. Penulis merumuskan tanggapan yang mengatakan semangat patriotisme golongan remaja hari ini semakin terhakis mungkin tepat pada sebilangan kecil remaja sahaja.
12	Nor Hayati et al. (2021)	Perpaduan dan Patriotisme Dalam Kalangan Pelajar	Berbangga menjadi rakyat Malaysia, bersedia menyumbang	Kuantitatif (240 pelajar Politeknik Nilai)	Tahap patriotisme adalah tinggi dan ada kaitan yang					Kajian oleh Gill et al. (2015) pula dijalankan kepada 500 responden yang terdiri dari kalangan belia bandar di Semenanjung Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan 78% daripada responden memiliki kesedaran patriotisme yang tinggi dan hanya 1% sahaja yang memiliki

kesedaran patriotisme yang rendah. Walau bagaimanapun, penulis menyatakan masih belum ada ukuran khusus untuk mengukur tahap patriotisme di Malaysia lalu menyukarkan pentafsiran tahap patriotisme yang sebenar dalam diri masyarakat. Justeru, wujud persoalan sama ada membayar cukai patriotik atau tidak? Atau mengkritik pemerintah patriotik atau tidak? (Gill et al., 2015). Oleh itu, kajian ini menjelaskan tiga jenis patriotisme yang ditakrifkan pengkaji terdahulu iaitu *value-based patriotism*, *egocentric patriotism* dan *constructive patriotism*.

1. *Value-based patriotism* merujuk kepada kecintaan seseorang kepada negaranya disebabkan oleh kepentingan tertentu yang diperoleh oleh mereka daripada negara tersebut. Patriotisme jenis ini berasaskan materialistik, tidak ikhlas dan kepura-puraan.
2. *Egocentric patriotism* merujuk kepada kecintaan kepada sesebuah negara tanpa kepentingan peribadi malah kecintaan ini berasaskan perasaan terhadap tanah tumpah darahnya semata-mata tanpa memikirkan manfaat yang diperolehi daripada negaranya.
3. *Constructive patriotism* dilihat lebih baik dan berkesan kerana patriotik jenis ini merujuk kepada perasaan cinta akan negara berasaskan kesetiaan yang rasional dan berasaskan kepada tindakan seseorang “mempersoalkan dan mengkritik kerajaan demi kebaikan bersama”. Patriotisme jenis ini dilihat memiliki ciri-ciri demokrasi yang lebih matang.

Penulis merumuskan bahawa sekiranya penentangan dan bantahan terhadap pemerintah oleh belia termasuk dalam bentuk *constructive patriotism*, maka kerajaan tidak perlu bimbang kerana ia menunjukkan golongan belia berada pada tahap patriotik yang matang. Walau bagaimanapun, sebarang bentuk penentangan dan bantahan ini tidak boleh bercanggah dengan prinsip kenegaraan Malaysia.

Kajian Mohd Rumaizuddin & Mohd Rushdan (2015) merupakan kajian kualitatif berbentuk temubual yang dijalankan kepada pelajar Malaysia di Timur Tengah untuk mengkaji tahap pemahaman konsep 1Malaysia dan semangat patriotisme mereka. Hasil daripada beberapa siri temubual menunjukkan semangat patriotisme pelajar masih kabur dan memerlukan program berbentuk pendekatan 1Malaysia yang memberikan kefahaman tentang patriotisme. Walau bagaimanapun, majoriti responden (70%) memahami sejarah Malaysia dan elemen Rukun Negara dan mengakui kepentingan Rukun Negara dalam menanamkan semangat patriotisme. Cuma dalam memahami konsep 1Malaysia, mereka masih memerlukan penjelasan kerana belum memahaminya secara mendalam.

Kajian oleh Hamidi et al. (2017) seterusnya dijalankan kepada 1500 responden di kalangan belia dari enam zon Timur, Tengah, Selatan, Utara, Sabah dan Sarawak. Hasil kajian mendapati tahap patriotisme belia adalah tinggi iaitu sebanyak 73% dengan nilai min sebanyak 7.26. Penulis mencadangkan usaha menerapkan semangat patriotisme tetap wajar diteruskan dari semasa ke semasa.

Kajian oleh Ku Hasnita et al. (2018) pula dibuat kepada 2056 responden yang terdiri daripada mahasiswa di sepuluh universiti awam di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan tahap patriotisme mahasiswa adalah tinggi iaitu sehingga 76.5%. Keadaan ini memuaskan namun menurut penulis masih perlu kepada penambahbaikan supaya menghampiri 100%.

Seterusnya, kajian oleh Siti Nazilah et al. (2020) dijalankan kepada 60 pelajar Politeknik Balik Pulau yang mengikuti Kursus Pengajian Malaysia (MPU21012). Dapatkan kajian menunjukkan tahap pengetahuan patriotisme dalam kalangan pelajar Politeknik Balik Pulau adalah tinggi iaitu dengan skor min 4.78 daripada skor maksimum 5.00. Penulis turut menyenaraikan tiga faktor yang didapati mempengaruhi tahap patriotisme iaitu sikap pelajar, pendekatan pensyarah semasa mengajar dan kurikulum pengajian khususnya Kursus Pengajian Malaysia yang diikuti.

Selain mahasiswa dan pelajar, kajian Mohd Rahimi et al. (2020) memilih responden dari kalangan peribumi Sabah yang terdiri daripada tiga etnik iaitu Kadazandusun, Bajau dan Murut seramai 500 orang untuk dinilai tahap pengetahuan terhadap nilai patriotisme. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan penduduk peribumi Sabah terhadap nilai patriotisme adalah tinggi dengan peratus responden sehingga 77.8%. Tahap pengetahuan bagi nilai patriotisme ini diukur menggunakan enam nilai iaitu kebanggaan, kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif, kesetiaan dan pengorbanan. Selain tahap pengetahuan, tahap pengamalan juga dikaji dalam kajian ini kerana pengetahuan sahaja tanpa diamalkan tidak mencukupi. Oleh itu, kajian ini turut menilai tahap pengamalan semangat patriotisme di mana hasil kajian menunjukkan tahap pengamalan berada di tahap yang tinggi namun tidak begitu memuaskan iaitu 50.2% sahaja. Penulis berpendapat penghayatan dan pengamalan nilai patriotisme ini perlu diteruskan.

Kajian oleh Nur Aishah et al. (2021) pula dijalankan dalam kalangan mahasiswa enam buah universiti tempatan seramai 345 responden. Sebanyak 50.4% responden menyatakan minat terhadap maklumat kenegaraan dengan tujuan pendidikan, 38.6% sekadar ingin mengetahui secara umum dan hanya 6.1% yang mempunyai minat mendalam. Ini bermaksud belia

mencari maklumat kenegaraan untuk memenuhi keperluan pengajian mereka. Menurut penulis, kajian terdahulu menunjukkan tahap patriotisme dalam kalangan belia kurang memuaskan kerana kurangnya maklumat yang sampai kepada mereka. Oleh itu, penulis berpendapat dengan menggunakan media baharu seperti *Facebook*, *Instagram*, *Blog*, *Twitter* dan lain-lain maka maklumat mampu disampaikan dengan menyeluruh dan berkesan lalu meningkatkan tahap patriotisme belia. Hasil kajian merumuskan tahap patriotisme mahasiswa adalah tinggi sekiranya penyampaian maklumat dibuat dengan betul.

Kajian Nor Hayati et al. (2021) seterusnya dijalankan kepada responden yang sama dengan kajian Siti Nazilah et al. (2020) iaitu pelajar politeknik namun berbeza lokasi iaitu Politeknik Nilai. Seramai 240 responden dipilih untuk menjawab soal selidik menggunakan *google form* yang terdiri daripada pelajar yang mengikuti kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (mata pelajaran umum (MPU) di politeknik). Kajian ini meneliti dua elemen utama untuk menjamin kesejahteraan hidup bernegera iaitu perpaduan dan patriotisme. Hasil kajian menunjukkan skor min untuk elemen perpaduan ialah 3.91 iaitu sederhana tinggi dan skor min untuk elemen patriotisme ialah 4.33 iaitu tinggi. Ini bermaksud, pelajar Politeknik Nilai mempunyai persepsi yang baik terhadap perpaduan dan tahap patriotisme yang tinggi di mana kedua-dua elemen ini perlu terus diterapkan dalam sistem pendidikan dan dilihat kursus MPU yang diperkenalkan membantu untuk tujuan tersebut.

Rumusan tinjauan

Merujuk Jadual 1, daripada keseluruhan 12 kajian terdapat 10 kajian menyatakan tahap patriotisme dalam kalangan golongan muda adalah tinggi dan 2 kajian menyatakan sederhana/kabur. Ini bermaksud majoriti kajian menyatakan tahap patriotisme dalam kalangan golongan muda adalah tinggi.

Taburan responden yang mempunyai tahap patriotisme yang tinggi adalah dari kalangan pelajar politeknik (Politeknik Balik Pulau dan Politeknik Nilai), pelatih PLKN, belia bandar di Semenanjung Malaysia, belia Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dan masyarakat peribumi di Sabah. Ini menunjukkan hampir semua kawasan di Malaysia menunjukkan hasil dapatan kajian yang sama iaitu tahap patriotisme golongan muda adalah tinggi.

Responden daripada kalangan mahasiswa juga menunjukkan tahap patriotisme yang tinggi kecuali mahasiswa yang melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah di mana berlaku kekurangan akses kepada maklumat

perpaduan dan patriotisme yang dijalankan dalam negara.

Begitu juga pelajar politeknik turut mempunyai tahap patriotisme yang tinggi di mana hal ini mungkin disebabkan subjek kursus pengajian umum yang wajib mereka ambil telah mendedahkan elemen-elemen patriotisme sehingga semangat itu dilihat tinggi. Tahap patriotisme yang tinggi dalam kalangan pelajar IPT ini selari dengan kajian Rohani et al. (2003).

Pelatih PLKN turut mempunyai tahap patriotisme yang tinggi kerana modul program yang dibangunkan sememangnya bertujuan membina dan mengukuhkan semangat patriotisme (Mahadi, 2005, Mohd Hairul et al., 2013, dan Che Su et al., 2012).

Walaupun sering didengari hari ini kerisauan pelbagai pihak tentang pudarnya semangat cintakan negara dalam kalangan golongan muda (Ahmad Zaharuddin Sani, 2014 dan Irmohizam, 2020) namun kajian-kajian yang dibuat menyatakan sebaliknya dan perkara ini diharap boleh meredakan sedikit kerisauan-kerisauan tersebut. Kewujudan segelintir golongan muda yang menimbulkan isu-isu yang dilihat tidak patriotic, tetapi ini tidak mewakili suara keseluruhan anak muda (Tuan Pah Rokiah et al., 2016 dan MyMetro, 2023).

Walau bagaimanapun, langkah berjaga-jaga tetap perlu diambil bagi memastikan tahap patriotisme golongan muda di tahap yang tinggi dan selamat. Kajian berterusan perlu dijalankan supaya isu ini tidak menjadi masalah di kemudian hari tanpa disedari. Pihak kerajaan khususnya, perlu memainkan peranan terutamanya dalam bidang pendidikan untuk menyuntik semangat patriotisme ini dalam kalangan anak-anak, dan dalam masa yang sama perlu melibatkan usaha daripada pihak ibu bapa dan masyarakat.

Pihak kerajaan juga perlu mengembalikan rasa hormat dan percaya golongan muda kepada barisan kepimpinan dan pentadbiran negara dengan membersihkan imej negara yang pada hari ini banyak tercalar kerana pelbagai isu seperti rasuah (Tengku Khairi, 2015). Ianya perlu selari antara mendidik rakyat untuk cintakan negara dengan membuktikannya melalui kepimpinan sebagaimana slogan ‘kepimpinan melalui tauladan’. Sekiranya pemimpin banyak melakukan kerosakan, sudah tentu usaha mendidik cintakan negara sukar diterap ke dalam jiwa rakyat yang sentiasa melihat dan menilai situasi yang berlaku, lebih-lebih lagi dalam dunia sekarang yang menyediakan maklumat hanya di hujung jari.

Oleh itu, isu patriotisme harus dijadikan perbincangan utama negara secara menyeluruh agar golongan yang akan menerajui pentadbiran negara akan datang terdiri daripada mereka yang berintegriti,

cintakan negara, sanggup berkorban untuk negara dan tidak sewenang-wenangnya ‘menjual’ negara kepada pihak luar.

Kesimpulan

Tinjauan kajian yang dilakukan menunjukkan tahap patriotisme golongan muda di Malaysia secara umumnya tinggi di mana 10 kajian terdahulu mendapat tahap patriotsime adalah tinggi, manakala 2 kajian yang lain mendapat tahap patriotism adalah sederhana/kabur.

Walaupun kajian terdahulu menunjukkan prestasi yang baik bagi tahap patriotism golongan muda, namun yang lebih utama lagi ialah tahap pengamalan patriotisme seseorang. Sebagai contoh, seseorang mungkin dikatakan patriotik dengan menyertai sambutan Hari Kebangsaan, namun jika negara diserang, ia tidak mahu membantu malah melarikan diri. Dalam hal ini nilai patriotism tidak lagi terpakai dengan sekadar menyambut Hari Kebangsaan, malah perlu dinilai dengan lebih menyeluruh dan praktikal. Oleh itu, tahap patriotisme yang diukur berkemungkinan berbeza dari segi tahap pengetahuan dan pengamalan. Malah, ia akan terus berbeza sekiranya pengetahuan itu perlu diuji pada keadaan sebenar.

Kajian ini merumuskan bahawa pendekatan menyemarakkan semangat patriotisme perlu diteruskan menggunakan neraca yang tepat dan menyeluruh supaya semangat itu tidak bermusim malah tersemat kemas di dalam sanubari setiap rakyat Malaysia.

Rujukan

Abdul Rahman, A. A. (2010). Rukun Negara dalam memperkuuhkan ketahanan negara. *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) "Political Managements and Policies in Malaysia"*. Hlm. 443-457. Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts: UUM. ISBN 978-983-44865-3-2

Ahmad Ali, S. (2009). Pemupukan Patriotisme Melalui Pendidikan Multikultural Dalam Pendidikan Sejarah di Malaysia: Satu Tinjauan Perspektif. LENTERA: *Jurnal Ilmu-ilmu Sejarah, Budaya dan Sosial*, 1(02), 28-49.

Ahmad Zaharuddin Sani, A. S. (2014, 18 September). Semangat Patriotisme Perlu Dijiwai, Bukan Sekadar Simbolik. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2014/09/6611/se-mangat-patriotisme-perlu-dijiwai-bukan-sekadar-simbolik>

MyMetro. (2023, 9 Ogos). Anak Muda Bukan Tak Patriotik, Mereka Ada Cara Tersendiri Tunjuk Cinta Negara.

Negara.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997198/anak-muda-bukan-tak-patriotik-mereka-ada-cara-tersendiri-tunjuk-cinta-negara>

Che Su, M., Rohani, A. G., & Ismail, Y. (2012). Pembentukan model semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan peserta Program Latihan Khidmat Negara. *Proceedings of The Third Seminar on National Resilience*. Hlm. 245-272. Ayer Keroh: Melaka.

Dewan Masyarakat JendelaDBP. (2021, 25 Ogos). Semangat Patriotsime, Pedulikah Anak Muda? <https://dewanmasyarakat.jendeladb.my/2021/08/25/1539/>

Gill, S.S., Mohd Rahimi, R., & Ahmad Tarmizi, T. (2015). Kesedaran Patriotik Dalam Kalangan Belia Bandar di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Sosial Ilmu Politik Universitas Hasanuddin*, 1(1), 111-120.

Hamidi, I., Tuan Pah Rokiah, S. H., Shamsul Anuar, N., Wasitah, M. Y., & Zaheruddin, O. (2017). Nilai Patriotisme Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 16, 87-100.

Irmohizam, I. (2020, 2 September). Semarakkan Patriotisme Sepanjang Masa. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/09/27083/semarakan-patriotisme-sepanjang-masa>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Laporan Ketua Perangkawan Malaysia*. <https://www.irujukan.my/jumlah-penduduk-malaysia/>

Kassim, T. (2020, 22 Disember). Bersama Mempertahankan Kedaulatan Negara. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2020/12/22/bersama-mempertahankan-kedaulatan-negara/>

Kementerian Belia dan Sukan. (2021). *Facts & Figures Indeks Belia Malaysia 2020 - Mengukur Kualiti & Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia*.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). *Falsafah Pendidikan Negara*. https://web.jiaozong.org.my/doc/2009/rnr/edu_law/falsafah_pendidikan_negara.pdf

Ku Hasnita, K. S., & Mohd Haizam, M. N., (2009). Semangat Patriotisme dalam Kalangan Mahasiswa Bukan Melayu di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Lembah Klang. *Akademika*, 75, 85-100.

Ku Hasnita, K. S., Zatul, H. A., Ratna Roshida, A. R., Fee, L. Y., & Zarina, M. (2018). Tahap Patriotisme Mahasiswa di Universiti Awam Malaysia. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Hlm. 567-578. Selangor: KUIS.

- Mahadi, A. H. (2005). Semangat Patriotisme Generasi Muda Melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Sosial Dan Pembangunan Komuniti*. Hlm. 16-17. Bandar Hilir: Melaka.
- Mohamad Rodzi, A. R. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 36(2009), 90-106.
- Mohd Hairul, A. R., Jayum, A. J., Adlina, A. H., Mohd Mahadee, I., & Siti Aishah, M. (2013). Penghayatan dan Kesedaran Patriotisme Dalam Kalangan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 8, 1-24.
- Mohd Nashahrudin, M. D., & Mohd Sobhi, I. (2022). Penerapan Nilai Patriotisme di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(10), 1-13.
- Mohd Rahimi, R., Mohd Syariehudin, A., Abdul Hadi, S., & Muhammad Shamshinor, A. A. (2020). Pengetahuan dan Pengamalan Nilai Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Peribumi di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 81-100.
- Mohd Rumaizuddin, G. & Mohd Rushdan, J. (2015). Kajian Semangat Patriotisme Dan 1Malaysia Dalam Kalangan Mahasiswa Di Timur Tengah. *Al-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 5(1), 7-22.
- Mohd Yusof, O., Jawiah, D., Abdul Latif, S., Mohd Safar, H., Noor Aziah, M. A., Shamsul Azhar, Y., Rosilawati, M. H. Noralina, O., & Mujahid, A. B. (2012). Jati Diri Kebangsaan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 67-78.
- Muhamad Nazri, A. R., Sharifah Norul Akmar, S. Z., & Eu, L. K. (2018). Kajian Meta-Analisis Pengetahuan Guru Matematik Di Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(2), 11-22.
- Nor Hayati, F. T., Hasani, G., & Nor Wahida, D. (2021). Perpaduan dan Patriotisme Dalam Kalangan Pelajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 5(2), 24-35.
- Nur Aishah, Z. Mohd Azul, M. S., & Wan Amizah, W. M. (2021). Semangat Patriotisme Melalui Penggunaan Media Baharu dalam Kalangan Belia di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(4), 177-198.
- Ramlah, A. (2005). Kajian tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara di kalangan pelajar IPT. Geran Penyelidikan. Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional Press, Kuala Lumpur.
- Rohani, A. G., Rusimah, S., Mas Juliana, M., Asmadi, M. N., & Abdul Rahman, A. A. (2003). Patriotisme di Kalangan Mahasiswa/i di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 6(12), 17-41.
- Siti Nazilah, H., Nurul Adha, R. & Nur Idayu, A. T. (2020). Kesedaran Nilai Patriotisme Pelajar Politeknik Balik Pulau Melalui Kursus Pengajian Malaysia. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 320-328.
- Tengku Khairi, A. R. (2015, 6 Februari). Indeks patriotisme pupuk keharmonian bermasyarakat. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/02/33539/indeks-patriotisme-pupuk-keharmonian-bermasyarakat>
- Tuan Pah Rokiah, S. H., Shamsul, A. N., & Zaheruddin, O. (2016). Pembinaan Bangsa Malaysia (1): Kajian Empiris Tahap Patriotisme Belia. *Geografi: Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (10), 159-170.